

---

## **PENGARUH KECERDASAN EMOSI TERHADAP KEJELEKITAN KELOMPOK KERJA DALAM PASUKAN BOLA SEPAK**

Nur Farah Syazwani Said, & \*Nurul Hudani Md Nawati

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

\*Corresponding email: [nurul@ums.edu.my](mailto:nurul@ums.edu.my)

*Received date: 4 January 2023; Accepted date: 15 March 2023*

**Abstrak:** Kejelekitan kelompok kerja adalah perasaan daya tarik ahli kelompok untuk terus kekal sebagai ahli dan merasa menjadi sebahagian dari kelompok. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengaruh kecerdasan emosi terhadap kejelekitan kelompok kerja dalam pasukan bola sepak di Malaysia. Manakala objektif sampingannya pula adalah untuk mengenalpasti perbezaan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan faktor demografi iaitu umur dan status perkahwinan. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif dimana analisis berbentuk deskriptif dijalankan bagi melihat demografi sampel dan analisis inferensi iaitu regresi bagi mengenalpasti pengaruh kecerdasan emosi terhadap kejelekitan kelompok kerja serta ANOVA bagi mengenalpasti perbezaan kejelekitan kelompok kerja. Sampel adalah 252 orang pemain bola sepak bagi Liga Perdana dan Liga Super. Kajian ini menggunakan borang soal selidik *Schutte Emotional Intelligence Scale* (SEIS) dan *Group Cohesiveness Scale*. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pengaruh yang signifikan diantara kecerdasan emosi bagi domain mengurus emosi sendiri dengan kejelekitan kelompok kerja dimana  $\beta = 0.172$ ,  $t = 2.758$ ,  $k < 0.05$ . Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan umur dan status perkahwinan pemain.

**Kata Kunci:** Kecerdasan Emosi, Kejelekitan Kelompok Kerja, Pemain Bola Sepak

### **Pengenalan**

Pada era globalisasi ini, kebanyakan organisasi mementingkan kejelekitan yang teguh antara ahli kelompok. Menurut Fenri Abraham Stevi Tupamahu (2018), kejelekitan kelompok merupakan perasaan daya tarik individu terhadap kelompok dan bermotivasi untuk terus tetap bersama

kelompok yang mana hal tersebut menjadi faktor penting didalam keberhasilan kelompok efektif.

Ciri penting ini mendefinisikan kelompok sebagai satu bentuk interaksi, pergantungan dan saling pengaruh mempengaruhi antara anggota-anggota (Noraida Sharif, 2004). Hal ini membuktikan bahawa kejelekitan kelompok adalah elemen yang membuatkan ahli dalam kelompok merasakan kewujudan unsur keterikatan dalam kelompok sehingga dapat mencapai matlamat yang dihajati. Selain daripada itu, Fauziah Andini (2013) juga berpendapat bahawa dengan adanya kebersamaan dan kejelekitan dalam kelompok maka anggota akan merasa menjadi sebahagian dari kelompok sehingga tujuan akan mudah untuk dicapai. Kerjasama yang jitu juga akan wujud apabila ahli organisasi berada dalam kumpulan yang mempunyai hubungan jelekit yang tinggi (Rohani Abu Bakar, 2017).

Kepentingan kejelekitan kelompok dalam konteks sukan juga tidak dapat disangkal lagi. Menurut Jarvis (2006), teori kelompok sukan telah diperkenalkan dan kebanyakan pengkaji berfikir bahawa kelompok yang mempunyai tahap kejelekitan yang tinggi adalah lebih didapati bersatu dan komited untuk berjaya berbanding dengan kelompok yang kurang jelekit. Kejelekitan kelompok yang mantap dalam kalangan pemain juga akan memberikan faedah serta kebaikan kepada kelompok itu sendiri. Kesan dari kejelekitan kelompok adalah rendahnya tahap ketidakhadiran dan keinginan untuk keluar (Vivia R. Trihapsari & Fuad Nashori, 2011).

Selain itu, Aminuddin Yusof dan Muraleedharan Vasuthevan (2007) juga percaya bahawa atlet dan jurulatih seringkali dikaitkan dengan kejayaan atau kegagalan kelompok dengan sebaik mana ahli kelompok mampu bekerjasama sebagai satu unit yang jelekit. Kejelekitan kelompok juga membolehkan persetujuan yang lebih cepat, lebih kukuh dan pematuhan kepada matlamat korporat dimana secara amnya, berfungsi dengan lebih lancar dan meningkatkan kepuasan kelompok (Black, Kim, Rhee, Wang & Sakchutchawan, 2018). Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dalam memastikan kejelekitan kelompok berada pada tahap maksimum.

Salah satu faktornya adalah kecerdasan emosi. Ilarda dan Findlay (2006) menyatakan bahawa Mayer dan Salovey adalah kelompok pertama yang

memperkenalkan terma kecerdasan emosi sebagai keupayaan seseorang individu untuk mengawasi emosi sendiri dan orang lain, membezakan diantara kesan emosi positif dan negatif serta menggunakan informasi emosi sebagai panduan untuk tindakan seseorang dan proses berfikir. Menurut Rapisarda (2002), tahap kecerdasan emosi individu yang tinggi di dalam kumpulan dipercayai akan memberikan impak positif kepada keberkesanan kumpulan iaitu kepada kedua-dua terma pencapaian dan kejelekitan.

Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah cenderung untuk menghadapi kesukaran dalam membina hubungan baik dengan ahli kelompok kerja. Selain itu juga, memandangkan kejelekitan pasukan adalah penting untuk prestasi pasukan, Black, Kim, Rhee, Wang & Sakchutchawan (2018) mendapati bahawa dua keutamaan untuk kejelekitan pasukan ialah kecerdasan emosi dan efikasi sendiri dalam kalangan ahli kumpulan.

Oleh yang demikian, kejelekitan kelompok kerja adalah isu yang harus dipertimbangkan terutamanya dalam sukan berkumpulan seperti bola sepak. Terdapat faktor yang perlu dititikberatkan dalam memastikan tahap kejelekitan berada pada tahap yang memuaskan iaitu kecerdasan emosi.

### **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti pengaruh kecerdasan emosi terhadap kejelekitan kelompok kerja dalam kalangan pemain bola sepak di Malaysia manakala objektif sampingannya pula adalah untuk mengenalpasti perbezaan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan faktor demografi iaitu umur dan status perkahwinan pemain.

### **METODOLOGI**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk bagi kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan analisis berbentuk deskriptif dan inferensi. Instrumen soal selidik digunakan dalam memperoleh maklumat.

### **Sampel**

Sampel adalah 252 orang pemain bola sepak Liga Perdana dan Liga Super. Faktor pemilihan sampel adalah kerana liga ini merupakan peringkat tertinggi di Malaysia dan paling menonjol dalam kalangan peminat bola sepak tempatan. Sampel juga terdiri daripada pelbagai posisi iaitu penjaga gol, pertahanan, pemain tengah dan penyerang.

### **Instrumen**

Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik dan berskala likert. Borang soal selidik terdiri daripada maklumat demografi iaitu umur dan taraf perkahwinan manakala bagi menilai kecerdasan emosi, pengkaji menggunakan *Schutte Emotional Intelligence Scale* (SEIS) yang telah diterjemahkan oleh Teh Fui Khim (2001). Bahagian ini mempunyai 33 item dimana ianya dibahagikan kepada 5 domain kecil iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain serta mengendali perhubungan. Nilai *Alpha Cronbach* ( $\alpha$ ) purata bagi item-item kecerdasan emosi dan nilai pekali kebolehpercayaan bagi soal selidik ini ialah 0.71 (Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Hamidah Yamat, 2013).

Bagi mengukur kejelekitan kelompok kerja pula, pengkaji menggunakan borang soal selidik *Group Cohesiveness Scale* dimana ianya diperkenalkan oleh Forsyth pada tahun 1999 dan diterjemahkan oleh Fitri Kurniawati (2016) serta disesuaikan dengan objektif kajian. Ianya mempunyai 13 item yang terdiri daripada 4 domain iaitu kekuatan sosial, kesatuan dalam kelompok, daya tarikan dan kerjasama kelompok. Menurut Fitri Kurniawati (2016), berdasarkan hasil uji *Confirmatory Factor Analysis* (CFA), diketahui bahawa semua item telah mengelompok sesuai dengan indikatornya dan semua item pernyataan dinyatakan sah dengan nilai *loading factor* di atas 0.50. Nilai *Alpha Cronbach* iaitu kebolehpercayaan bagi soal selidik ini adalah sebanyak 0.94.

### **Prosedur**

Kajian rintis dijalankan bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Seterusnya, setelah instrumen menepati syarat iaitu kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi, pengkaji kemudiannya mendapatkan kebenaran daripada pihak berwajib bagi menjalankan kajian. Setelah itu, kajian dijalankan dalam kalangan 252 orang pemain bola sepak Liga Perdana dan Liga Super. Oleh kerana isu pandemik yang

melanda negara, pengkaji hanya mengedarkan borang secara atas talian melalui usahasama persatuan-persatuan bola sepak.

Seterusnya, borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26. Ujian regresi dilakukan bagi mengenalpasti pengaruh kecerdasan emosi terhadap kejelekitan kelompok kerja manakala ujian ANOVA pula digunakan untuk mengenalpasti perbezaan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan faktor demografi iaitu umur dan taraf perkahwinan dalam kalangan pemain bola sepak di Malaysia.

## **KEPUTUSAN**

### **Kebolehpercayaan dan Kesahan**

Kebolehpercayaan ditentukan dengan menggunakan ketekalan dalaman dengan mencari *Cronbach Alpha* untuk setiap domain. Menurut Hamed Taherdoost (2016), skor *Cronbach Alpha* bernilai 0.5 dan kebawah adalah rendah, 0.50 hingga 0.70 adalah sederhana, 0.70 hingga 0.90 adalah tinggi manakala 0.90 dan ke atas adalah sangat baik. Menurut tafsiran tersebut, didapati bahawa skor *Cronbach Alpha* bagi SEIS adalah 0.719 manakala bagi *Group Cohesiveness Scale* pula adalah 0.833 dimana ianya adalah tinggi.

Jadual 1: Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Instrumen	Skor <i>Cronbach Alpha</i>
SEIS	0.719**
<i>Group Cohesiveness Scale</i>	0.833**

Kesahan kemudian diuji dengan menggunakan korelasi *Pearson* di antara domain dan jumlah skor. Kriteria pentafsiran pekali kesahan item dirujuk berpandu kepada kajian R. Oktavia, Irwandi, Rajibussalim, M Mentari dan I S Mulia (2018) dimana nilai pekali kesahan di bawah 0.11 diklasifikasikan sebagai tidak mungkin berguna, nilai 0.11 hingga 0.20 bergantung pada keadaan, nilai 0.21 hingga 0.35 mungkin berguna manakala nilai diatas 0.35 adalah sangat sah.

Kajian mendapati pekali kesahan SEIS bagi domain mengenali emosi sendiri adalah 0.711, mengurus emosi sendiri adalah 0.602, memotivasikan emosi negatif adalah 0.662, mengenali emosi orang lain adalah 0.757 dan bagi domain mengendali perhubungan adalah 0.707.

**Jadual 2: Analisis Kesahan SEIS**

Domain SEIS	Nilai Pekali Kesahan
Mengenali emosi sendiri	0.711**
Mengurus emosi sendiri	0.602**
Memotivasikan emosi negatif	0.662**
Mengenali emosi orang lain	0.757**
Mengendali perhubungan	0.707**

Analisis kajian juga mendapati pekali kesahan bagi *Group Cohesiveness Scale* untuk domain kekuatan sosial pula adalah 0.537, kesatuan dalam kelompok adalah 0.475, daya tarikan adalah 0.748 dan kerjasama kelompok adalah 0.844. Berdasarkan dapatan, didapati kepercayaan dan kesahan bagi borang soal selidik adalah tinggi dan sangat sah.

**Jadual 3: Analisis Kesahan *Group Cohesiveness Scale***

Domain Kejelekitan	Nilai Pekali Kesahan
Kekuatan Sosial	0.537**
Kesatuan dalam Kelompok	0.475**
Daya Tarikan	0.748**
Kerjasama Kelompok	0.844**

### **Maklumat Demografi**

Jadual di bawah menunjukkan demografi sampel dari aspek umur mengikut julat. Berdasarkan perolehan tersebut, didapati bahawa seramai 222 orang (88.1%) adalah berumur dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun manakala seramai 29 orang (11.5%) adalah berumur 25 hingga 34 tahun. Seramai 1 orang (0.4%) sampel pula adalah terdiri daripada pemain yang berumur 35 hingga 44 tahun. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan sampel adalah terdiri daripada pemain yang berusia dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun.

Berkenaan dengan status perkahwinan pemain pula, seramai 218 orang (86.5%) adalah di dalam kategori bujang. Seramai 34 orang (13.5%) pula telah berkahwin manakala tiada (0.00%) sampel yang berada di kategori duda. Hal ini membuktikan bahawa majoriti sampel adalah masih bujang. Kebanyakan pemain bola sepak bagi peringkat Liga perdana dan liga super adalah terdiri daripada pemain yang berusia muda dan masih belum berkahwin.

**Jadual 4 : Maklumat Demografi Pemain**

Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Umur	15 – 24 tahun	222	88.1
	25 – 34 tahun	29	11.5

Status Perkahwinan	35 – 44 tahun	1	0.4
	Bujang	218	86.5
	Berkahwin	34	13.5
	Duda	0	0

**Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Kejelekitan Kelompok Kerja**  
 Hasil kajian menunjukkan model signifikan dengan  $R^2= 0.041$ ,  $F=2.095$  dimana kecerdasan emosi boleh menerangkan secara signifikan sebanyak 4.1% daripada varians dalam kejelekitan kelompok kerja. Berdasarkan dapatan juga mendapati bahawa hanya subskala mengurus emosi sendiri mempengaruhi secara signifikan terhadap kejelekitan kelompok kerja dimana  $\beta= 0.172$ ,  $t=2.758$ ,  $k < 0.05$ .

Jadual 5 : Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Kejelekitan Kelompok Kerja

Domain SEIS	R <sup>2</sup>	F	Beta	t	Sig.
Mengenal emosi sendiri	.002	.606	.049	.778	.437
Mengurus emosi sendiri	.030	7.606	.172	2.758	.006
Memotivasikan emosi negatif	.005	1.248	-.070	-1.120	.265
Mengenal emosi orang lain	.003	.809	.057	.899	.369
Mengendali perhubungan	.008	2.054	.090	1.433	.153

$R^2 = 0.041$ ,  $F = 2.095$

### Perbezaan Kejelekitan Kelompok Kerja Berdasarkan Umur

Ujian ANOVA sehalu dilakukan bagi menguji perbezaan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan umur pemain. Berdasarkan kepada dapatan kajian yang ditunjukkan melalui jadual di bawah, di dapati bahawa nilai  $F(2,248) = 0.636$  dan aras kesignifikan menunjukkan signifikan,  $k > 0.05$ . Hal ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan umur pemain.

Jadual 6: Analisis Perbezaan Kejelekitan Kelompok Berdasarkan Umur

	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara kumpulan	26.071	2	13.035	.636	.530
Dalam kumpulan	5085.953	248	20.508		
Jumlah	5112.024	250			

### Perbezaan Kejelekitan Kelompok Kerja Berdasarkan Status Perkahwinan

Bagi menguji perbezaan kejelekitan kelompok berdasarkan status perkahwinan pemain, ujian ANOVA sehalu juga dilakukan. Berdasarkan kepada jadual di bawah, di dapati bahawa nilai  $F(1,249) = 0.490$  dan aras kesignifikan menunjukkan signifikan,  $k > 0.05$ . Hal ini membuktikan

bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan status perkahwinan pemain.

**Jadual 7: Analisis Perbezaan Kejelekitan Kelompok Berdasarkan Status Perkahwinan**

	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara kumpulan	10.031	1	10.031	.490	.485
Dalam kumpulan	5101.993	249	20.490		
Jumlah	5112.024	250			

## **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan diantara kecerdasan emosi bagi domain mengurus emosi sendiri dengan kejelekitan kelompok kerja.

Oleh yang demikian, didapati bahawa individu yang mampu menguruskan emosi diri sendiri ternyata mempunyai tahap kejelekitan yang tinggi dalam kelompok kerja. Hal ini di sokong oleh Quoidbach & Hansenne (2009) dimana mereka menyatakan bahawa mengurus emosi sendiri adalah kuadran bagi kecerdasan emosi yang paling penting dalam meramalkan kejelekitan kelompok dan prestasi kerja. Selain daripada itu, Ikpesu dan Christian (2017) turut berpendapat bahawa kebolehan untuk memahami dan mengurus mood serta emosi dalam diri sendiri dan orang lain menyumbang kepada keberkesanan pemimpin dan pengaruh positif komitmen pengikut, inovasi, kejelekitan kelompok dan kehidupan organisasi yang sihat.

Di samping itu juga, selaras dengan dapatan kajian ini, Black dan rakan-rakan (2018) turut menyatakan sokongan dengan memberi pandangan bahawa individu yang mempunyai ciri mengenali emosi sendiri dan mengurus emosi sendiri akan berjaya dengan baik dan membawa kejelekitan kelompok yang tinggi, keharmonian serta kepuasan yang lebih besar dalam sesebuah kelompok. Hal ini kerana, dengan adanya subskala kecerdasan ini, pemain mampu mengendalikan sebarang permasalahan dengan bijak tanpa menggunakan kekerasan dan sebagainya seperti mana yang dinyatakan oleh Nazri Abu Bakar (2017) melalui BH Online dimana kawalan emosi yang efektif amat diperlukan oleh setiap pemain dan pemain perlu lebih bijak mengawal emosi ketika beraksi bagi mengelak sebarang hukuman terutamanya kad merah yang akan menjejaskan kekuatan pasukan.

Hasil juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan umur pemain. Hal ini kerana umur tidak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kejelekitan kelompok kerja sepertimana disokong oleh Glass dan Benschhoff (2002) dimana mereka memberi pandangan bahawa umur tidak boleh meramalkan penilaian individu terhadap kejelekitan. Di samping itu, ianya juga dipersetujui oleh Aristotelis, Evangelos, Ioannis, Stergios, Ioannis, dan Antonios (2013) dimana mereka menyatakan bahawa umur pemain tidak mempengaruhi persepsi mereka tentang kejelekitan kelompok. Pernyataan ini turut disokong oleh Deckers, Altmann, dan Roth (2020) dimana umur telah ditunjukkan untuk tidak mempengaruhi kejelekitan kelompok.

Selain itu juga, Mohammad Javad Naeiji dan Mahsa Mahmoodi Mehrizi (2014) turut menyatakan sokongan dimana tidak terdapat korelasi di antara umur ahli kelompok sukan dengan kejelekitan kelompok. Kajian yang dilakukan oleh Radnor, Staines, Bevan, Cumming, Kelly, Lloyd dan Oliver (2021) juga menunjukkan bahawa kematangan mempunyai perkaitan yang lebih besar dengan prestasi berbanding relatif umur dalam pemain bola sepak. Secara tidak langsung, ini membenarkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan kepada umur pemain.

Berkenaan dengan status perkahwinan pemain, ternyata ianya membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan status perkahwinan. Hal ini kerana status perkahwinan pemain bola sepak tidak mempengaruhi kejelekitan kelompok kerja. Sebagai bukti, kajian yang dijalankan oleh Faruk Aydin, Hakan Sunay, Erdal Bal dan Erdem Ayyildiz (2020) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kejelekitan kelompok kerja berdasarkan kepada pembolehubah status perkahwinan. Di samping itu, hasil dapatan kajian ini juga selari dengan pandangan yang diberikan oleh Pramlal (2004) dimana beliau berpendapat bahawa pekerja yang berbeza dalam status perkahwinan, tidak berbeza secara signifikan dalam pandangan mereka mengenai pengaruh kejelekitan kelompok kerja.

Realitinya, sebagai seorang pemain bola sepak profesional, mereka ternyata bijak membezakan diantara kehidupan peribadi dengan kerjaya

dan tidak mencampuradukkan di antara keduanya. Tidak kira sama ada masih bujang, sudah berkahwin mahu pun telah bercerai, pemain bola sepak juga sentiasa memberikan komitmen yang jitu dan bijak mengurus tekanan demi memastikan kelangsungan kerjaya dengan menghasilkan prestasi yang bagus serta mengelakkan daripada kejelekitan antara pasukan terjejas. Hal ini selaras dengan pernyataan yang dikatakan oleh Purwaningtyastuti, Bagus Wismanto dan M. Suharsono (2012) dimana semakin tinggi komitmen terhadap organisasi maka akan semakin tinggi pula kejelekitan kelompoknya.

Justeru itu, dengan adanya dapatan ini, pengkaji mengesyorkan supaya kajian lanjutan dilakukan pada masa yang akan datang. Hal ini kerana kejelekitan kelompok kerja adalah isu yang perlu diketengahkan terutamanya dalam sesebuah organisasi dimana ianya memainkan peranan penting dalam menjamin keberhasilan kelompok.

## **KESIMPULAN**

Kejelekitan kelompok kerja adalah merupakan salah satu elemen penting dalam mencapai objektif organisasi dimana ianya adalah perasaan daya tarik ahli kelompok untuk terus kekal sebagai ahli dan merasa menjadi sebahagian dari kelompok. Pasukan bola sepak juga tidak terkecuali dari dibelenggu dengan permasalahan kejelekitan dalam pasukan. Hal ini kerana, permainan bola sepak memerlukan kerjasama dari setiap ahli dalam pasukan demi mencapai tujuan. Tidak terkecuali, kecerdasan emosi sering dikaitkan dengan isu kejelekitan dalam kalangan pemain bola sepak.

Oleh itu, melalui kajian ini, dapat dibuktikan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan diantara kecerdasan emosi bagi domain mengurus emosi sendiri dengan kejelekitan kelompok kerja. Kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kejelekitan kelompok kerja berdasarkan umur dan status perkahwinan pemain. Secara kesimpulannya, kejelekitan kelompok kerja adalah penting dalam setiap pasukan bola sepak di Malaysia kerana ianya akan menjurus kepada peningkatan kualiti bola sepak negara sekaligus mampu memartabatkan lagi arena bola sepak sehingga dapat membuka mata dunia.

### **Penghargaan**

Kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan daripada ramai pihak. Jutaan terima kasih diucapkan kepada individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyelidikan ini.

### **Pernyataan Persetujuan Termaklum**

Saya bagi pihak penulis lain bersetuju untuk penulisan ini diterbitkan.

### **Konflik Kepentingan**

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam penerbitan penulisan ini.

### **Pernyataan Etika**

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa penulisan ini memenuhi kaedah penulisan ilmiah yang sepatutnya dengan menuliskan senarai sumber rujukan bagi kutipan yang dibuat.

### **Sumbangan Pengarang**

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa setiap orang penulis telah membuat sumbangan yang selayaknya dalam menghasilkan penulisan ini.

### **Dana**

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa tiada dana khusus yang diperoleh dalam menghasilkan penulisan ini.

### **Penghargaan**

Saya bagi pihak penulis lain ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kajian sehingga terhasilnya penulisan ini.

### **Pernyataan Ketersediaan Data**

Saya bagi pihak penulis lain ingin menyatakan bahawa data kajian ini adalah hak milik pengkaji.

## **RUJUKAN**

- Aminuddin Yusof & Muraleedharan Vasuthevan (2007). Group Cohesion Of Malaysian National Junior Athletes. *Journal of the International Council for Health, Physical Education, Recreation, Sport and Dance*. 43. 12-15. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/301658648\\_Group\\_cohesion\\_of\\_Malaysian\\_national\\_junior\\_athletes](https://www.researchgate.net/publication/301658648_Group_cohesion_of_Malaysian_national_junior_athletes)
- Aristotelis G., Nektarios S., Aristomenis S., & Maria P. (2014). Match Participations, Field Position, Length of Team Membership: Their Impact on Team Cohesion. *American Journal of Sports Science*. 2(2), 48-52. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/270707890\\_Match\\_Participations\\_Field\\_Position\\_Length\\_of\\_Team\\_Membership\\_Their\\_Impact\\_on\\_Team\\_Cohesion](https://www.researchgate.net/publication/270707890_Match_Participations_Field_Position_Length_of_Team_Membership_Their_Impact_on_Team_Cohesion)
- Black J., Kim K., Rhee S., Wang K. & Sakchutchawan S. (2018). Self-Efficacy And Emotional Intelligence: Influencing Team Cohesion To Enhance Team Performance. *Team Performance Management: An International Journal*. 1-21. Diakses dari <http://dx.doi.org/10.1108/TPM-01-2018-0005>
- Deckers M., Altmann T., dan Roth M. (2020). The Role of Individual Personality in Conceptualizing and Measuring Group Characteristics. *Current Psychology*. 1 -12. Diakses dari <https://link.springer.com/article/10.1007/s12144-020-00919-6>
- Faruk Aydin, Hakan Sunay, Erdal Bal & Erdem Ayyildiz (2019). The Relation Between Self-Efficacy and Group Cohesiveness Perceptions of Professional Men and Woman' Football Team (Ankara Province Example). *Universal Journal of Management*. 8 (2). 33-38. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/339412233\\_The\\_Relation\\_between\\_Self-Efficacy\\_and\\_Group\\_Cohesiveness\\_Perceptions\\_of\\_Professional\\_Men\\_and\\_Woman's\\_Football\\_Team\\_Ankara\\_Province\\_Example](https://www.researchgate.net/publication/339412233_The_Relation_between_Self-Efficacy_and_Group_Cohesiveness_Perceptions_of_Professional_Men_and_Woman's_Football_Team_Ankara_Province_Example)
- Fauziah Andini. (2013). *Pengaruh Kepemimpinan Kepala Sekolah Terhadap Kohesivitas Guru Di SMP Negeri Kota Yogyakarta*. Tesis bagi program Ijazah Sarjana tidak diterbitkan, Universitas Negeri Yogyakarta. Diakses dari <https://journal.student.uny.ac.id/index.php/fipmp/article/download/606/600>

- Fenri Abraham Stevi Tupamahu (2018). Kecerdasan Spiritual, Kohesivitas Kelompok Sebagai Pendorong Organizational Citizenship Behavior dan Kinerja Karyawan. *Jurnal Ekonomi*. 12 (1). Diakses dari <https://ejurnal.ukim.ac.id/index.php/pejuang/article/view/323>
- Fitri Kurniawati. (2016). *Pengaruh Kohesivitas Kelompok Dan Kepuasan Kerja Terhadap Organizational Citizenship Behavior (OCB)*. Tesis bagi program Ijazah Sarjana tidak diterbitkan, Universitas Negeri Yogyakarta. Diakses dari <https://journal.student.uny.ac.id/index.php/jmbi/article/view/5015>
- Glass J. S. & Benshoff J. M. (2002). Facilitating Group Cohesion among Adolescents through Challenge Course Experiences. *The Journal of Experiential Education*. 25 (2). 268 -277. Diakses dari <https://www.semanticscholar.org/paper/Facilitating-Group-Cohesion-among-Adolescents-Glass-Benshoff/941fed63e58a9fbdbf2696b77650221c4b3b4d8d>
- Hamed Taherdoost (2016). Validity and Reliability of the Research Instrument: How to Test the Validation of a Questionnaire/ Survey in Research. *International Journal of Academic Research in Management*. 5(3). Diakses dari <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3205040>
- Ikpesu & Christian O. (2017). Self - Management Dimension of Emotional Intelligence as Determination of Academic Administration in Public University. *Journal of Higher Education Theory and Practice*. 17 (1). 49 – 57. Diakses dari [http://t.www.na-businesspress.com/JHETP/IkpesuOC\\_Web17\\_1\\_.pdf](http://t.www.na-businesspress.com/JHETP/IkpesuOC_Web17_1_.pdf)
- Ilarda E. & Findlay B. M. (2006). Emotional Intelligence and Propensity to be a Teamplayer. *E-journal of Applied Psychology: Emotional Intelligence*. 2(2). 19-29. Diakses dari <http://dx.doi.org/10.7790/ejap.v2i2.69>
- Jarvis M. (2006). *Sport Psychology: A Student's Handbook*. New York.
- Mohammad Javad Naeiji & Mahsa Mahmoodi Mehrizi (2014). The Theory of Multiple Intelligences for Athletes and Cohesion in Sport Teams. *Journal of Business and Management Review*. 3 (7). 1 -16. Diakses dari <https://platform.almanhal.com/Files/2/74675>
- Nazri Abu Bakar (11 Oktober 2017). Pemain Perlu Bijak Kawal Emosi: Ramli Junit. BH Online. Diakses dari

- <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2017/10/336068/pemain-perlu-bijak-kawal-emosi-ramli-junit>
- Noraida Sharif (2004). *Faktor Ciri-Ciri Kepimpinan dan Pengaruhnya Terhadap Kejelekitan Kelompok Kerja*. Tesis bagi program Ijazah Sarjana Muda Sains tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Sarawak. Diakses dari <http://ir.unimas.my/id/eprint/3453>
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Hamidah Yamat (2013). Faktor Jantina, Kaum, Aliran Kelas dan Hubungannya dengan Kecerdasan Emosi Murid dalam Mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 3 (1). 12 -23. Diakses dari <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/55>
- Pramlal A. (2004). *The Influence Of Team Cohesiveness On Team Effectiveness*. Tesis bagi Ijazah Sarjana tidak diterbitkan. University Kwa-Zulu Natal. Diakses dari <https://ukzn-dspace.ukzn.ac.za/handle/10413/357>
- Purwaningtyastuti, Bagus Wismanto & M. Suharsono (2012). Kohesivitas Kelompok Ditinjau dari Komitmen Terhadap Organisasi dan Kelompok Pekerjaan. *Kajian Ilmiah Psikologi*. 2(1). 179 - 182 . Diakses dari <https://core.ac.uk/download/pdf/291502662.pdf>
- Quoidbach, J. & Hansenne, M. (2009). The Impact of Trait Emotional Intelligence on Nursing Team Performance And Cohesiveness. *Journal of Professional Nursing*. 25 (1). 23-29. <https://doi.org/10.1016/j.profnurs.2007.12.002>
- R. Oktavia, Irwandi, Rajibussalim, M Mentari & I S Mulia (2018). Assessing The Validity And Reliability Of Questionnaires On The Implementation Of Indonesian Curriculum K-13 In STEM Education. *Journal of Physics*. 1-7. Diakses dari <http://dx.doi.org/10.1088/1742-6596/1088/1/012014>
- Radnor J. M., Staines J., Bevan J., Cumming S. P., Kelly A. L., Lloyd R. S. & Oliver J. L. (2021). Maturity Has a Greater Association than Relative Age with Physical Performance in English Male Academy Soccer Players. *Sports 2021*. 1 -13. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/356915438\\_Maturity\\_Has\\_a\\_Greater\\_Association\\_than\\_Relative\\_Age\\_with\\_Physical\\_Performance\\_in\\_English\\_Male\\_Academy\\_Soccer\\_Players](https://www.researchgate.net/publication/356915438_Maturity_Has_a_Greater_Association_than_Relative_Age_with_Physical_Performance_in_English_Male_Academy_Soccer_Players)
- Rapisarda, B. A. (2002). *The Impact of Emotional Intelligence on Work Team Cohesiveness and Performance*. Tesis bagi program Ijazah Sarjana Muda tidak diterbitkan, Case Western Reserve University. Diakses dari

- <https://mds.marshall.edu/cgi/viewcontent.cgi?referer=&httpsredir=1&article=1304&context=etd>
- Rohani Abu Bakar (2017). Persepsi Pensyarah Terhadap Kesan Skim DH Terhadap Motivasi Kerja dan Kolaborasi Rakan Sekerja. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibiton (i-compEX'17)*, 1-18. Diakses dari <https://docplayer.net/52196709-Persepsi-pensyarah-terhadap-kesan-skim-dh-terhadap-motivasi-kerja-dan-kolaborasi-rakan-sekerja.html>
- Teh Fui Khim. (2001). *Pengaruh Kecerdasan Emosi (EQ) Dan Amalan Keibubapaan Ibu Terhadap EQ Remaja*. Tesis bagi Ijazah Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia. Diakses dari [http://psasir.upm.edu.my/8770/1/FEM\\_2001\\_1\\_A.pdf](http://psasir.upm.edu.my/8770/1/FEM_2001_1_A.pdf)
- Vivia R. Trihapsari & Fuad Nashori (2011). Kohesivitas Kelompok dan Komitmen Organisasi Pada Financial Advisor Asuransi “X” Yogyakarta. *Proyeksi*. 6(2). 12-20. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/349644956\\_GROUP\\_COHESIVENESS\\_AND\\_ORGANIZATION\\_COMMITMENT\\_AMONG\\_FINANCIAL\\_ADVISORS\\_IN\\_INSURANCE\\_FIRM\\_X\\_YOGYAKARTA](https://www.researchgate.net/publication/349644956_GROUP_COHESIVENESS_AND_ORGANIZATION_COMMITMENT_AMONG_FINANCIAL_ADVISORS_IN_INSURANCE_FIRM_X_YOGYAKARTA)